

Projek terbabit yang merangkumi 12 banglo dan 44 rumah teres sepatutnya siap pada November 2008, kini dipenuhi semak samun serta tidak terurus.

Lebih memeritkan apabila gaji bulanan setiap pembeli dipotong setiap bulan sebanyak RM500 sehingga RM800 bergantung kepada jenis rumah, namun hasilnya tiada akibat projek yang terbengkalai itu.

Sementara itu, pembeli, Mohd Reduan Ibrahim, 33, berkata dia amat berharap agar pihak kementerian dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi kerana sudah buntu untuk meminta bantuan daripada mana-mana pihak.

"Saya juga difahamkan pemaju yang mengendalikan projek ini sudah meninggal dunia sejak 2013 dan diambil alih oleh isterinya, tetapi tidak dapat mengesan keberadaannya sehingga hari ini.

"Saya terasa teraniaya kerana pemaju bersikap lepas tangan selain tidak bertanggungjawab membiarkan semua pembeli menanggung kos pembayaran dan pinjaman tanpa hasil rumah seperti yang diharapkan.

"Bukan itu sahaja, dalam masa sama, tidak ada seorang pun wakil pemaju yang datang berjumpa untuk membela nasib kami," katanya.

Seorang lagi pembeli yang juga pesara tentera, Nordin Hamat, 49, berkata, sejak Januari 2007, wang pencennya terpaksa dipotong sebanyak RM640 sebulan untuk membayar kos rumah yang dibelinya itu.

"Selepas bersara pada 2014, selama tiga tahun saya bersama isteri dan tiga anak berusia antara 17 hingga 23 tahun terpaksa menyewa rumah di Tumpat.

"Bagaimanapun, pada 2016 kami sekeluarga tidak perlu lagi menyewa selepas rumah dibina di atas tanah milik isteri, namun saya tetap berasa sedih kerana rumah yang dibeli dan sepatutnya diduduki kami sekeluarga kini terbengkalai," katanya.